

26 FEB 2003

OIC-Mahathir (Iraq)/I

RAKYAT IRAQ, BUKAN AMERIKA YANG TENTUKAN KEPIMPINAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hanya rakyat Iraq dan bukannya Amerika Syarikat atau kuasa lain yang boleh menentukan kepimpinan negara itu.

Perdana Menteri berkata jika pertukaran dalam regim pemerintahan adalah suatu yang boleh diterima rakyat Iraq, maka tiada siapa yang boleh menafikan hak mereka.

"Saya tidak fikir kita mempunyai hak untuk menafikan hak rakyat Iraq, malahan bukan kerajaan Iraq sendiri tetapi rakyatnya," kata pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini.

Beliau berkata sudah diketahui umum bahawa Amerika mahu melihat perubahan dalam regim pemerintahan yang diketuai Saddam Hussein melalui peperangan atau tidak.

Sejak permulaan konflik Iraq, Amerika telah menegaskan bahawa ia mahu kerajaan Saddam ditumbangkan oleh sebuah regim baru.

Menjawab satu soalan mengenai permintaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya Iraq memusnahkan peluru berpandu al-Samoudnya, Dr Mahathir berkaya negara itu patut memamtuhi arahan berkenaan.

"Terpulang kepada Iraq sama ada mereka mahu mematuhi atau tidak. Pendapat kami ialah apa jua yang PBB minta Iraq lakukan, maka Iraq patut melaksanakannya," katanya.

Iraq kini menghadapi satu ujian sama ada mereka akan mematuhi permintaan pemeriksa senjata Iraq supaya memansuhkan peluru berpandu al-Samoud yang dikatakan telah mencabuli batasan jenis senjata yang ditetapkan PBB.

-- BERNAMA
AZH MFJ RON